

Waspada terima informasi dakwah

Kewujudan media baharu menjadikan medan dakwah lebih efektif namun fakta perlu diselidik terlebih dahulu

■ NUR SHARIEZA ISMAIL

NILAI - Kewujudan media baharu dilihat sebagai satu medium komunikasi yang mampu menjadikan medan dakwah lebih efektif dan ringkas.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Profesor Dr Zulkiple Abd Ghani bagaimanapun berkata, orang ramai perlu berhati-hati supaya informasi yang diperolehi adalah sahih.

"Ini kerana, apabila dikaitkan dengan dakwah, sesiapa sahaja boleh menjadi 'guru' atau 'ulama segera' dengan menyuarakan pendapat mereka.

"Sebagai contoh, berita-berita dan informasi penting tentang sesuatu isu seperti penyebaran berita palsu atau fakta-fakta yang diputar belitkan boleh memburukkan lagi keadaan, meskipun media sosial boleh dianggap sebagai medium komunikasi yang boleh membantu kita menyebarkan dakwah Islam dengan cepat.

"Disebabkan itu, adalah penting untuk kita sebagai pengguna untuk



Dr Zulkiple (tengah), Abd Jalil (dua, kiri) dan Chamil (dua, kanan) ketika hadir pada Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah 2015 (SMED) di Usim, semalam.

bijak memilih maklumat tepat dan sahih untuk dijadikan sumber rujukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah 2015 (SMED) di Dewan Kuliah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Usim, di sini, semalam.

Hadir sama, Dekan Fakulti

Kepimpinan dan Pengurusan, Prof. Dr Yahya Mohamed Ariffin; Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Dr Chamil Wariya dan Penasihat Eksekutif Editorial Sinar Harian, Datuk Abd Jalil Ali.

Zulkiple berkata, tidak dinafikan terdapat dalam kalangan masyarakat yang suka mengambil kesempatan

atas kemampuan pengaruh laman sosial.

"Untuk itu, elakkan daripada terus menyebarkan sesuatu maklumat tanpa diketahui kesahihannya kerana perkongsian tersebut turut boleh dianggap sebagai menyebarkan fitnah," katanya.

Pada seminar bertemakan *Credibility, Trust, and Reputation:*



Peserta tekun mendengar Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah 2015 (SMED) di Usim, semalam.

Media in the Digital Age itu, sebanyak 57 kertas kerja terdiri daripada 55 peserta dalam kalangan penyarah dan pelajar institut pengajian tinggi dibentangkan terdiri daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Selangor (Unisel).